

Media : Utusan Malaysia

Date : 3 February 2024

Ajinomoto anjur kempen beli dan menang

PETALING JAYA: Ajinomoto (Malaysia) Berhad bekerjasama dengan jenama peralatan memasak terkemuka dunia, Le Creuset melalui Kempen Beli & Menang Ajinomoto Malaysia x Le Creuset's yang menawarkan pelbagai hadiah bernilai RM38,888.

Kempen tersebut dianjurkan sempena sambutan Tahun Baharu Cina bagi memberi pengalaman baharu kepada pengguna melalui pelbagai resepi perayaan bermula 1 Januari hingga 29 Februari ini.

Ajinomoto dalam kenyataan memberitahu, antara hadiah menarik ditawarkan ialah Le Creuset's Round French Oven untuk pemenang utama. Hadiah lain termasuk Square Skillet Grill, hadiah kedua, Le Creuset's Round Skillet dan Rice Bowl Set dan hadiah ketiga, Le Creuset's Stockpot.

Selain itu, terdapat lapan hadiah saguhati iaitu Le Creuset's Sauce Pan, serta 20 pemenang dwibulanan yang akan menerima kredit Touch & Go bernilai RM50, dengan lima pemenang dipilih dwibulanan.

“Setiap peserta juga akan diberi ganjaran tambahan iaitu baucar RM50 Le Creuset apabila penyertaan berjaya dihantar.

“Pada masa sama, pelanggan berpeluang mempelajari sembilan koleksi resipi Tahun Baharu Cina yang mudah dan istimewa daripada kami yang memberikan pengalaman kulinari baharu seperti aneka cendawan goreng bersama abalon dan kekapis, udang dan kepah bawang putih kukus, sup ayam dan ‘Fish Maw’, dan Ajinomoto Gyoza.

“Setiap hidangan dilimpahi dengan kasih sayang dan memberikan kenangan abadi bagi membantu anda memahami motto ‘Eat Well, Live Well,’” katanya.

Bagi mereka yang berminat menyertai pertandingan tersebut boleh membuat pembelian minimum bernilai RM15 produk Ajinomoto dalam satu resit, kongsi gambar resit beserta butiran seperti nama penuh, nombor kad pengenalan dan hantarkan menerusi WhatsApp di 019-220 9950.